



SCAN ME



Laman Sesawang:
myikmas.islam.gov.my

بُولَتِينُ الْإِسْلَامِيَّةِ كَمَا يُرْتَبِطُ بِإِسْلَامِ مُلَيْسِيَّةِ رَاوَقْ

BIL. 3 / 2023



BULETIN IKMAS JAKIM

اوكوس - نوفمبر ، محرم - جمادى الأول ، ١٤٤٥ هجرة



MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN
INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS) KALI KE-19



LAWATAN KERJA RASMI MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)
KE TAPAK PEMBINAAN IKMAS FASA 2



PROGRAM MENYEMAI BAKTI
IKMAS KALI KE-22



LAWATAN KERJA RASMI YANG
DIPERTUA MAJLIS ISLAM SARAWAK
KE IKMAS

"IKMAS INSPIRASIKU" "KITAKAN IKMAS"



Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak - IKMAS



myikmas

7si Kandungan



PENAUNG
YBrs. Tuan Haji Hanifuddin
bin Roslan



KETUA EDITOR
Armi binti Halit



PEMBACA PRUF
Muhammad Furqan bin Nuruddin



PEMBACA PRUF
Ainul Nadzifah binti Mohd Ali



KONSEP & LAYOUT
Muhammad Faizul bin Kanaini



KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN
Dyg. Adlin Lina binti Abang Hwan Zaini



JURUFOTO
Irwandy bin Sarkawi

PENGHARGAAN ISTIMEWA
Pejabat Pengarah
Cawangan Khidmat Pengurusan
Cawangan Pendaftar
Cawangan Akademik
Cawangan Hal Ehwal Pelajar
Cawangan Pembangunan Insan
Unit Jaminan Kualiti

- 3 Sekapur Sirih
- 3 Kalam Ketua Editor
- 4 Tokoh Alumni IKMAS
- 5 Bengkel Pembangunan Garis Panduan Kompetensi Kepimpinan Da'i Pelajar
- 5 Program Semarak Patriotisme Warga IKMAS
- 6 Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) Siri IV/2023 Tahap 3
- 6 Program Randau Siswa Promosi IKMAS Tahun 2023
- 7 Praktikal Pengurusan Jenazah Islam Yang Tidak Dituntut
- 7 Bengkel Pembangunan Kurikulum Diploma Syariah
- 8 Kursus Eksplorasi Haji IKMAS Tahun 2023
- 8 Lawatan Kerja Rasmi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Ke Tapak Pembinaan IKMAS Fasa 2
- 9 Majlis Istiadat Konvokesyen Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Kali Ke-19
- 10 Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) Siri I/2023 Tahap 2 (Zon Utara & Tengah)
- 10 Lawatan Kerja Rasmi Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak Ke Projek IKMAS Fasa 2
- 11 Pameran Dan Promosi IKMAS Program Forum Perdana Ehwal Islam TV1 Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Sarawak 1445H/2023M
- 11 Program Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat IKMAS
- 12 Program Menyemai Bakti IKMAS Kali Ke-22
- 12 Bengkel Pemurnian Modul Sijil Pengajian Islam (Mualaf)
- 13 Kursus Warga Cemerlang IKMAS Gemilang #KITAKANIKMAS
- 13 Lawatan Kerja Rasmi Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM Ke IKMAS
- 14 Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik IKMAS Bil 2/2023
- 14 Bengkel Semakan Semula Piagam Pelanggan IKMAS
- 15 Lawatan Kerja & Kunjung Hormat Agensi Luar ke IKMAS
- 16 Lawatan Kerja & Kunjung Hormat IKMAS ke Agensi Luar
- 17 Sukan IKMAS (SUKMAS)
- 18 Artikel Staf
- 19 Artikel Staf
- 20 Sekalung Tahniah
- 21 Selamat Datang & Jasamu Dikenang
- 22 Lensa
- 23 Lensa
- 24 Jom Masuk IKMAS

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



YBrs. Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan
Pengarah IKMAS



Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya, Buletin IKMAS Bil. 3/2023 dapat diterbitkan bagi tahun 2023.

Pertama sekali, tahniah dan syabas kepada Ketua Editor dan sidang redaksi yang telah berjaya menghasilkan buletin ini. Buletin yang telah berusia 5 tahun ini telah berjaya diterbitkan sejak tahun 2019 lagi. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, sokongan padu, semangat dan idea yang berterusan serta tidak jemu dalam melahirkan buletin ini saban tahun sebagai naskhah hadiah dan tatapan buat semua.

Buletin IKMAS yang kini berwajah baharu iaitu dengan persembahan kulit muka depan yang lebih elegan dan segar, dimuatkan dengan pelbagai berita terkini, laporan aktiviti dan program warga kerja serta pelajar IKMAS yang sangat aktif bergiat dalam bidang masing-masing. Bidang-bidang ini meliputi kepimpinan, dakwah, komunikasi, al-Quran dan tilawah, teknologi maklumat dan sukan. Buletin ini akan terus dihasilkan sebagai wadah untuk memaparkan seribu kenangan dan detik indah warga IKMAS sepanjang mereka berkhidmat dan menuntut ilmu disini.

Malah buletin ini akan menjadi sebuah ikon kejayaan warga kerja IKMAS dan termasuk pelajar-pelajar yang mampu menjadi sumber inspirasi dalam dunia penerbitan yang boleh dibanggakan oleh semua warga IKMAS.

Selain menyajikan informasi terkini berkaitan IKMAS dan warganya, buletin ini akan terus menaikkan nama IKMAS di seluruh Sarawak, Malaysia dan Asia. Harapan saya, marilah kita saling bekerjasama dan berganding bahu dalam memastikan IKMAS akan terus berjaya dalam apa jua lapangan. Teruskan perjuangan dan hasilah diri kita dengan ilmu, akhlak yang mulia serta berkahsi sayang sesama kita. Jom masuk IKMAS!

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Buletin IKMAS Bil.3/2023 telah berjaya diterbitkan bagi bulan Ogos hingga November 2023.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berusaha Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS atas semangat dan kepercayaan yang diberikan kepada Unit Komunikasi Korporat IKMAS untuk menerbitkan Buletin IKMAS pada kali ini.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas juga diucapkan kepada rakan-rakan sidang redaksi buletin IKMAS kerana telah menghasilkan keluaran buletin yang ketiga buat tahun ini dengan cemerlang.

Sepanjang tahun ini, pelbagai program dan aktiviti yang telah disusun sejajar dengan hasrat dan matlamat IKMAS untuk melahirkan pelajar yang berkecakupan dan berwibawa dalam pelbagai bidang serta mampu maju ke hadapan dalam bidang yang diceburi. Seterusnya, IKMAS sebagai pusat pengajian akademik dan latihan bagi Pelajar lepasan SPM, penjawat awam juga masyarakat setempat telah menyusun dan menganjurkan pelbagai program termasuklah program yang dapat menambahbaik nilai jati diri serta ilmu pengetahuan dalam bidang agama terutamanya bidang dakwah dan al-Quran.

Terima kasih sekali lagi buat semua pihak yang telah bekerja keras dalam menyumbang idea, usaha dan tenaga dalam menjayakan penerbitan buletin IKMAS ini. IKMAS akan terus bergerak pantas dalam apa jua medan lapangan agar terus kekal relevan sepanjang zaman. Semoga keberkatan dan keredaan Allah SWT buat semua yang telah menjayakan penerbitan Buletin IKMAS Bil. 3/2023 ini.

Kalam Ketua Editor



Armi binti Halit
Ketua Editor



Buletin Namas Jakim Bil. 3/ 2023



KENALI TOKOH ALUMNI IKMAS

Ustaz Nor Tarmizee bin Daud

Beliau dilahirkan pada 26 September 1980 di Kem Terendak Melaka yang merupakan tempat bapanya berkhidmat sebagai seorang askar. Selepas itu, beliau bersama ibu bapanya telah kembali ke negeri asal di Sarawak; Kampung Kabong yang merupakan tempat asal bapanya. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan seorang cahaya mata lelaki. Beliau merupakan Alumni IKMAS ambilan yang pertama pada tahun 2000. Kini, beliau berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S32 bermula pada 16 November 2005.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Sekolah Kebangsaan Abang Leman, Kabong (1987 – 1992)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Kabong (1993 – 1997)
- Pusat Latihan Dakwah Hikmah, Bintulu, Sijil Bahasa Arab dan Pengajian Islam (1998 – 1999)
- Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Diploma Pengajian Islam kini dikenali sebagai Diploma Dakwah Islamiyyah (2020 – 2023)
- Universiti Kebangsaan Malaysia, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Kepimpinan

KERJAYA

- Pekerja Khidmat Singkat (PKS), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (2003 – 2004)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (2005 – 2008)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Latihan Sarawak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Sarawak (2009 – 2014)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Sarawak (2015 – 2018)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (2019 – 2022)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Pemulihan Narkotik PUSPEN Kuching, Sarawak (2022 – kini)

PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN LUAR

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, JAKIM
- Anugerah Kualiti Perkhidmatan, Pusat Latihan Sarawak
- Ketua Unit Agama, Pusat Pemulihan Narkotik PUSPEN Kuching, Sarawak
- Bergiat aktif dalam perlawanan persahabatan dan sukan agensi Islam bagi sukan bola sepak dan badminton



HARAPAN DAN IMPIAN UNTUK IKMAS

“Teruslah Berbakti Sehingga Dijemput Kembali” merupakan pesanan yang dititipkan kepada pelajar-pelajar IKMAS untuk sentiasa mendalami ilmu pengetahuan yang diperolehi sepanjang melanjutkan pengajian di IKMAS. Hal yang demikian kerana beliau menginginkan pelajar-pelajar IKMAS bukan sahaja cemerlang dari aspek kerohanian dan keagamaan malah memiliki keperibadian yang unggul terutamanya dalam aspek jasmani, emosi dan intelek. Beliau amat menegaskan dengan pembentukan keperibadian yang unggul ini memainkan peranan dalam mengelakkan pelajar-pelajar IKMAS daripada terjerumus dalam kancuh dadah, ini adalah berdasarkan pengalaman beliau sepanjang berkhidmat di sebuah pusat pemulihan.

Pada era globalisasi ini, adalah menjadi impian beliau kepada IKMAS agar bergerak secara seiring dalam mendepani arus kemajuan bidang pendidikan dengan menawarkan program-program pengajian di peringkat lebih tinggi yang berteraskan keagamaan namun bersifat universal. Beliau memaksudkan universal ialah skop pengajian yang ditawarkan adalah lebih meluas dan tidak hanya terhad di institusi atau agensi Islam sahaja bahkan meliputi semua jabatan di Sarawak.

Semoga IKMAS bergerak semakin maju dan cemerlang dari segi membentuk kemenjadian pelajar dan memartabatkan institusi keagamaan khususnya di bumi Sarawak dalam melahirkan pendakwah muda yang unggul serta jauh daripada ancaman dadah yang boleh menghancurkan masa depan generasi muda.

BENGKEL PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN KOMPETENSI KEPIMPINAN DA'I PELAJAR



4 Ogos 2023

IKMAS telah menerima kehadiran Pensyarah Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Abdul Ghafar bin Don bagi menghadiri mesyuarat dan Bengkel Pembangunan Garis Panduan

Kompetensi Kepimpinan Da'i Pelajar yang bertempat di Kamar Tun dan Mini Auditorium IKMAS.

Mesyuarat dan bengkel ini diurus setiakan oleh Cawangan Kepimpinan dan Alumni IKMAS bertujuan untuk membincangkan pembinaan

modul Kompetensi Kepimpinan Da'i Pelajar IKMAS bagi menghadapi masyarakat ketika Latihan Amali Dakwah dan seterusnya berhadapan dengan masyarakat setelah tamat pengajian di IKMAS. Sasaran peserta ialah Pegawai dan Pelajar Semester 3 IKMAS.

PROGRAM SEMARAK PATRIOTISME WARGA IKMAS

22 Ogos 2023

Sempena dengan bulan kemerdekaan, Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Kelab IKMAS telah menganjurkan program Semarak Patriotisme warga IKMAS bertempat di Dewan Serbaguna IKMAS.

Ceramah mengenai kemerdekaan telah disampaikan oleh Ustaz Abdul Rauf bin Haji Rimi dan ucapan amanat daripada Pengarah IKMAS, Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin.

Nyanyian lagu Jalur Gemilang dinyanyikan bersama-sama dengan penuh bersemangat sambil mengibarkan bendera jalur gemilang bagi membangkitkan rasa patriotisme dan penghayatan kemerdekaan. Selanjutnya, laungan kemerdekaan dilaungkan sebanyak tiga kali dan majlis diakhiri dengan sesi fotografi.





SIJIL PROFESIONALISME IMAM SARAWAK (SPIS) SIRI IV/2023 TAHAP 3

24 Ogos 2023

IKMAS telah berganding bahu bersama Majlis Islam Sarawak bagi menganjurkan Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) Siri IV/2023

Tahap 3 yang diadakan di Masjid Darul Naim, Kampung Lintang Kuching.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan kepimpinan secara profesional dalam konteks seorang imam disamping meningkatkan kemahiran teknik komunikasi berkesan seterusnya mempelajari asas penggunaan media sosial sekaligus melahirkan imam yang berketrampilan.

Peserta program terdiri daripada Imam 1 dan 2 Bahagian Kuching, Samarahan, Serian dan Sematan. Penceramah jemputan ialah Imam Besar Negeri Sarawak, Sahibul Fadilah Dato Haji Mustapha Kamal bin

Haji Ahmad Fauzi, Timbalan Imam Besar Negeri Sarawak, Ustaz Haji Mohammad Ihsan bin Haji Haidzir, Pegawai Tadbir, Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Jabatan Premier Sarawak, Encik Awang Mohamad Razif bin Awang Yusof dan Ketua Cawangan Pengajian Sepanjang Hayat, IKMAS, Ustaz Hasfa Bakhry bin Hassan. Tambahan pula, Penolong Imam Bahagian Kuching, Ustaz Awang Mohd Safwan bin Awang Sefari sebagai fasilitator program.



PROGRAM RANDAU SISWA PROMOSI IKMAS TAHUN 2023

27 Ogos 2023 IKMAS dengan kerjasama

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pejabat Agama Islam Bahagian Samarahan (PAIB), Masjid Silaturrahim Kampung Iboi dan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Sadong Jaya/Asajaya telah berjaya melaksanakan Program Randau Siswa Promosi IKMAS Tahun 2023 bertempat di Sadong Jaya.



Antara pengisian program ialah taklimat mengenai IKMAS dan YADIM, agihan bakul kasih, perlawanan persahabatan futsal, tazkirah maghrib oleh pelajar IKMAS, booth pameran IKMAS, Klik dengan bijak bersama PEDi Sadong Jaya dan Klinik al-Fatihah.



Program ini memberi pendedahan kepada pelajar dalam meningkatkan kualiti dakwah sebagai persediaan untuk amali dakwah dan membina hubungan bersama masyarakat awam mahupun agensi-agensi luar sekaligus memperkenalkan IKMAS dan YADIM kepada masyarakat di sekitar Sadong Jaya.





Praktikal Pengurusan Jenazah Islam Yang Tidak Dituntut

26 Ogos 2023



IKMAS bersama *Team Perjalanan 2 Alam Kuching* telah memberi latihan pengurusan jenazah Islam dalam konteks keadaan sebenar kepada 6 orang pelajar lelaki Tahun Akhir IKMAS (Semester 5) yang bertempat di Bilik Mayat, Hospital Umum Sarawak.

Penglibatan pelajar IKMAS ini memberi pendedahan berkenaan tatacara pengurusan jenazah Islam dengan betul dan kepentingan ilmu kefahaman dalam pengurusan jenazah menurut syarak. Seterusnya memberi keyakinan kepada pelajar untuk menguruskan jenazah Islam dalam konteks yang sebenar dan sebagai latihan kepada pelajar dalam melaksanakan program kemasyarakatan sebelum menjalani amali dakwah bersama komuniti.

Penglibatan IKMAS dalam program ini dapat melahirkan generasi IKMAS yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran disamping berani mempraktikkan bersama masyarakat. Pelajar IKMAS juga mampu menjadi ikon serta contoh ikutan anak-anak muda khususnya di Sarawak.

Bengkel Pembangunan Kurikulum Diploma Syariah

— 6 September 2023

IKMAS telah mengadakan Bengkel Pembangunan Kurikulum Diploma Syariah yang bertempat di The Waterfront Hotel. Seramai 27 orang peserta telah menghadiri bengkel tersebut.

Bengkel ini bertujuan membangunkan struktur kurikulum bagi program Diploma Syariah IKMAS.

Antara panel pakar yang menghadiri bengkel ialah Prof. Madya Ts. Dr Roslan bin Umar dari Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri) Universiti Sultan Zainal Abidin, Dr. Raihana binti Abdul Wahab, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia, Dr. Muhammad Zakuwa bin Rodzali, Timbalan Pengarah Darul Quran, Encik Shahril Azwan bin Hussin, Penolong Pengarah Kanan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dan Encik Razalie bin Hussaini, Pegawai Hal Ehwal Islam Mufti Sarawak.



KURSUS EKSPLORASI HAJI IKMAS

tahun 2023

9 September 2023

IKMAS dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji Kuching telah menganjurkan Kursus Eksplorasi Haji IKMAS Tahun 2023 yang dihadiri oleh Pelajar Tahun Akhir IKMAS di Mini Auditorium IKMAS.

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai panduan ibadat haji dan umrah dengan lebih mendalam, serta pendedahan mengenai penjagaan kesihatan ketika menunaikan ibadat haji. Selain itu, kursus ini dapat menjadi nilai tambah kepada diri setiap pelajar sebagai seorang da'i untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat.

Penganjuran program seumpama ini dapat memupuk keinginan dalam diri pelajar untuk berusaha menunaikan Rukun Islam yang kelima. Program ini juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan melalui pendedahan praktikal yang dilakukan semasa kursus dijalankan. Semoga program ini dapat melahirkan seorang da'i keluaran IKMAS yang holistik.



LAWATAN KERJA RASMI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) KE TAPAK PEMBINAAN IKMAS FASA 2

19 September 2023

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar melawat tapak pembinaan IKMAS Fasa 2.

Beliau menegaskan kepada pihak berkaitan agar melipatganda kerja-kerja supaya projek pembinaan IKMAS Fasa ke-2 dapat disiapkan mengikut perancangan. Tambahan pula, beliau berkata "Kita mahu anak-anak pelajar IKMAS selesai belajar dengan segala kemudahan yang lengkap dan berharap agar IKMAS benar-benar menjadi institusi pendidikan yang kompeten kepada anak-anak pelajar." Lawatan ini

bersempena dengan Majlis Istiadat Konvokesyen Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS) kali ke-19 yang diadakan di Dewan Kompleks Islam Sarawak, Kuching.

Beliau juga menekankan fungsi dan peranan IKMAS sebagai salah sebuah institusi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di bawah JAKIM yang mempunyai peranan amat besar dalam melahirkan para pendakwah muda sebagai penerus generasi Al-Falah adalah menjadi komitmen Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk terus komited dalam memperkasa IKMAS sebagai usaha melahirkan generasi madani pewaris negara.



MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS) KALI KE 19

19

مجلس ائیت عبادت کونوکیسیون
ایستیتوت کماہیرن اسلام ملیسیا سراوک
19 سبتمبر 2023 / 3 ربيع الأول 1445ھ

DISEMPURNAKAN OLEH
SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)



19 September 2023

Sekalung tahniah diucapkan kepada 64 orang graduan IKMAS yang terdiri daripada 55 orang graduan Diploma Dakwah Islamiyyah dan 9 orang pelajar Sijil Pengajian Islam yang diraikan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) kali ke-19 di Dewan Kompleks Islam Sarawak, Kuching.

Majlis dimulakan dengan perarakan masuk graduan diikuti dengan Ahli-Ahli Lembaga IKMAS diikuti perarakan masuk Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



Seterusnya, Y.B Senator menyempurnakan Majlis Penganugerahan Diploma dan Sijil Pengajian Islam serta Anugerah Utama IKMAS.

Turut hadir ialah Datuk Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Tuan Haji Ruslan bin Haji Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM dan Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Sarawak, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS, serta Ahli Lembaga IKMAS.

SIJIL PROFESIONALISME PENGURUSAN MASJID SARAWAK (SPPMS)

SIRI I / 2023 TAHAP 2 (ZON UTARA & TENGAH)

19 September 2023

Seramai 40 orang dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Masjid (Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari) telah menyertai Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) Siri I/2023 Tahap 2 di Masjid Assyakirin, Bintulu anjuran IKMAS dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak (MIS).

Program ini bertujuan memberi pengetahuan kepada peserta berkaitan kepentingan mengimarahkan masjid, memanfaatkan penggunaan ICT sebagai media pengiklanan dan penyebaran maklumat juga melatih Jawatankuasa Pengurusan Masjid untuk mengadaptasi perancangan strategik dalam mentadbir masjid.

Antara penceramah jemputan yang menghadiri program ini ialah Encik Mohamad Jol bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak, Encik Haji Mohd Isselahuddin bin Kameran, Pegawai Agama Islam Bahagian Betong, Encik Awang Mohamad Razif bin Awang Yusof, Pegawai Tadbir, Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Jabatan Premier Sarawak, Encik Hairolhamzi bin Bahroddin, Ketua Jabatan Pengurusan Kepimpinan Pendidikan, Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak.



LAWATAN KERJA RASMI YANG DIPERTUA MAJLIS ISLAM SARAWAK KE PROJEK FASA 2 IKMAS



2 Oktober 2023

YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Pejabat Projek Pembinaan IKMAS Fasa 2.

Tujuan lawatan tersebut meninjau status semasa kemajuan projek pembinaan IKMAS Fasa 2 dan melawat fasiliti serta kemudahan IKMAS sekaligus beramah mesra bersama warga kerja IKMAS.

Turut hadir Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan Pegawai IKMAS, Pegawai daripada Majlis Islam Sarawak, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kontraktor Projek dan Perunding Projek, IKMAS.

PAMERAN DAN PROMOSI IKMAS PROGRAM FORUM PERDANA EHWAL ISLAM TV1 SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT SARAWAK 1445H/2023M

5 Oktober 2023

IKMAS telah menyertai aktiviti pameran dan promosi IKMAS sempena program Forum Perdana Ehwat Islam TV1 bertempat di Masjid An-Nur, Bahagian Sibu, Sarawak. Pameran dan promosi ini dapat memperkenalkan IKMAS kepada tetamu jemputan dan komuniti setempat di sekitar Sibu malah menarik lebih ramai pelajar lepasan SPM menyertai IKMAS.

Selain IKMAS, agensi-agensi seperti Hidayah Centre Foundation, Bank Islam, Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd dan Yayasan Kepimpinan Al-Bait turut membuka kaunter pameran.

Turut hadir Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Pengarah JAKIM Sarawak, Encik Hamdan bin Jar'ee dan Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan.

Forum ini membicarakan tajuk 'Cinta Teragung' dengan menampilkan ahli panel diskusi yang hebat iaitu YBhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Sarawak, YBhg. Dato' Haji Badli Shah bin Alaudin, Timbalan Mufti Pahang, YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Haji Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim, Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Masyarakat Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia manakala Moderator adalah YBrs. Ustaz Rizal bin Ramli dan YBrs. Ustaz Mohd Rahimi bin P. Ramlee.



12 Oktober 2023

Minggu Aluan Pelajar IKMAS telah diadakan bagi memberi pendedahan kepada 24 orang pelajar baharu Sijil Pengajian Islam yang melapor diri di IKMAS baru-baru ini. Selain itu, mempersiapkan pelajar ke arah peralihan dari sekolah ke Institut Pengajian Tinggi serta mengenal pasti personaliti, kemahiran dan bakat dalam kalangan pelajar.

Turut terlibat sebagai penceramah program ialah Kaunselor Berdaftar IKMAS, Puan Syahriah binti Yatim Mustafa dan Puan Ainul Nadzifah binti Mohd Ali manakala Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IKMAS sebagai fasilitator program.

Program Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat IKMAS



PROGRAM MENYEMAI BAKTI IKMAS KALI KE-22

16 Oktober 2023

Program Menyemai Bakti IKMAS kali ke-22 pada tahun ini telah diadakan di Masjid Nurir Rahmani, Kampung Santubong.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Misnu Bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS, Encik Ahmad Sukarno bin Saini, Timbalan Pengarah I Jabatan Agama Islam Sarawak, Encik Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, Ketua-ketua kampung, penghulu dan keluarga angkat yang terlibat.

Penyerahan pelajar Semester 6 Diploma Dakwah Islamiyyah IKMAS kepada keluarga angkat selama 2 minggu iaitu bermula pada 16 hingga 29 Oktober 2023 sekaligus menyampaikan dakwah Islam di kampung-kampung terpilih seperti Kampung Santubong, Kampung Buntal, Kampung Sg Midin, Kampung Bako dan Kampung Muara Tebas.



Bengkel PEMURNIAN MODUL SIJIL PENGAJIAN ISLAM (MUALAF)

18 Oktober 2023

Bengkel Pemurnian Modul Sijil Pengajian Islam (Mualaf) telah diadakan bagi memurnikan Modul Sijil Pengajian Islam (Mualaf) yang sedia ada serta membincangkan sasaran lokasi dan mad'u khususnya di Sarawak.

Bengkel ini telah melibatkan agensi-agensi luar seperti Pengurus Wilayah Hidayah Centre Foundation, Encik Fathurrahman bin Othman, Pengurus Kanan Dakwah HIKMAH, Ustaz Sarbini bin Dahlan, Pengarah YADIM Sarawak, Ustaz Awang Dolhadi Awang Mat dan Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak, Ustazah Hernie Nadia binti Hamdan manakala wakil dari IKMAS ialah Ustaz Mohd Chathazman bin Abdullah dan Ustaz Hasfa Bakhry bin Hassan.



KURSUS WARGA CEMERLANG IKMAS GEMILANG #KITAKANIKMAS



1 November 2023 – Seramai 65 warga kerja IKMAS telah menyertai Kursus Warga Cemerlang IKMAS Gemilang #KitakanIKMAS di Union Yes Retreat & Training Centre, Lundu, Sarawak.

Antara pengisian program selama 3 hari 2 malam ialah Ice breaking, Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan eksplorasi. Penceramah yang terlibat sepanjang program ialah Encik Noorlihakie bin Raja Husain, sebagai Ketua Jurulatih dan Encik Farizi bin Jamaluddin serta Encik Zulkifli bin Ishak sebagai fasilitator kursus.

Kursus ini bukan sahaja mengeratkan hubungan silaturrahi, keserasian, kemesraan dan tahap persefahaman yang tinggi dalam kalangan warga kerja IKMAS malah mampu meningkatkan motivasi diri dan semangat kerja berpasukan yang jitu.

Selain itu, semangat bekerjasama serta keupayaan mengatasi sikap menyalahkan antara satu sama lain dalam mencapai matlamat organisasi, membina komunikasi secara berkesan dan memahami pentingnya komunikasi interpersonal dalam kerja berpasukan. Seterusnya, mengukuhkan jati diri dan sifat kepunyaan dalam organisasi terutamanya dalam memahami peranan dan tugas bagi memperkasakan kemahiran kepimpinan dalam kalangan warga IKMAS

Program ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada warga kerja IKMAS atas segala tenaga yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di IKMAS.



LAWATAN KERJA RASMI TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN) JAKIM KE IKMAS

2 November 2023 – YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM buat julung-julung kalinya telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke IKMAS bagi meninjau status terkini kemajuan projek pembinaan IKMAS Fasa 2 dan melawat ke fasiliti serta kompleks IKMAS.

YBrs. Encik Nik Mohd Ridzuan Nik Yaacob, Pengarah Bahagian Kewangan JAKIM, YBrs. Puan Kamariyah binti Mokhtar, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JAKIM, Pegawai-Pegawai Seksyen Pembangunan, Bahagian Pembangunan JAKIM dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JAKIM, Pegawai-pegawai dari Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya, wakil kontraktor dan perunding projek turut menghadiri lawatan kerja rasmi ini.

Semoga dengan lawatan kerja rasmi ini, hubungan kerjasama strategik antara barisan pengurusan pimpinan tertinggi JAKIM dan IKMAS akan terus diperkukuh.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK IKMAS Bil 2/2023

3 November 2023

Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM baru-baru ini telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik IKMAS Bil 2/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, JAKIM Sarawak.

Tujuan mesyuarat ini ialah menimbang dan meluluskan kertas cadangan bagi Buku Peraturan IKMAS (Pindaan 2023).

Seterusnya, membuat pertimbangan dan meluluskan Kertas Cadangan Permohonan Semakan Program Diploma Dakwah Islamiyyah serta Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Baharu Diploma Syariah di IKMAS.



Bengkel SEMAKAN SEMULA PIAGAM PELANGGAN IKMAS

3 November 2023

Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan telah mempengerusikan Bengkel Semakan Semula Piagam Pelanggan IKMAS.

Piagam Pelanggan adalah pernyataan komitmen secara bertulis atau satu jaminan yang diberikan oleh sesebuah jabatan atau organisasi terhadap produk atau perkhidmatan untuk pelanggannya mengikut standard kualiti yang ditetapkan

Ini menunjukkan IKMAS komited memberikan perkhidmatan kepada pelanggannya iaitu para pelajar IKMAS mengikut standard kualiti.



LAWATAN KERJA & KUNJUNG HORMAT AGENSI LUAR KE IKMAS



KODAK EB-2



KODAK EB-2



15 Ogos 2023 - Kunjung Hormat Yayasan Dakwah Islamiyyah (YADIM) ke IKMAS yang diketuai oleh Encik Shahrizal bin Mat, Pengarah Bahagian Kepimpinan Muda YADIM Putrajaya



KODAK EB-2



KODAK EB-2



10 Oktober 2023 - Lawatan Muhibbah Hidayah Centre Foundation (HCF) ke IKMAS yang diketuai oleh Encik Fathurrahman bin Othman, Pengurus Hidayah Centre Foundation Sarawak



KODAK EB-2



KODAK EB-2



7 November 2023 - Kunjung Hormat Pihak Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (Ummi), FQPS, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke IKMAS yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee bin Mohd Raus



KODAK EB-2



KODAK EB-2



9 November 2023 - Kunjung Hormat Peserta 8th Southeast Asia International Philanthropy Conference 2023 (SEAIPC) ke IKMAS yang diketuai oleh Prof Madya Dr. Mohamed Saladin bin Abdul Rasool

LAWATAN KERJA & KUNJUNG HORMAT IKMAS KE AGENSI LUAR



25 Oktober 2023 - Kunjung Hormat IKMAS ke HIKMAH yang diketuai oleh Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS



8 November 2023 - Kunjung Hormat IKMAS ke YADIM Sarawak yang diketuai oleh Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS



14 November 2023 - Kunjung Hormat IKMAS ke pejabat Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) yang diketuai oleh Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS



28 November 2023 - Kunjung Hormat IKMAS ke Penjara Puncak Borneo, Kuching yang diketuai oleh Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS



SUKAN IKMAS (SUKMAS)

KEJOHANAN BOLA SEPAK 11 SEBELAH PIALA
YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

KEJOHANAN RAGBI KRFC 7S



Hari Mesra SEMPENA KONVOKESYEN IKMAS KALI KE-19



IJTIMAK PERDANA AGENCI AGAMA SELURUH MALAYSIA (IJPAM)



PROGRAM PENGURUSAN KECERGASAN & KESIHATAN PROFESIONAL 2023 PERINGKAT SARAWAK



(السياق القرآني)



Dr. Ahmed Mohamed Ismail Eid Allam
Pensyarah IKMAS

طريقة العرب في كلامها وأساليبها بأن جاء مُعْجَزاً في طريقة نظمه للكلام، ومن هنا كان أسلوب القرآن الكريم متميزاً.

وقد كانت بدايةُ عناية المسلمين بأمر العلاقة بين التركيب والمعنى منذ الوهلة الأولى من نزوله؛ لاستقراء معانيه، ولبیان ما يدلُّ عليه وكان تفسير النصوص القرآنية - وما زال - الشغل الشاغل للعلماء كلِّ في مجال اختصاصه؛ لأنَّ فهم المراد من النص الهدف الأولى والغاية الكبرى لما له من الآثار والثمار فلا غرو بهذا الاعتبار أن تتجه الأنظار إلى تفسير النصوص منذ وُجِدَتْ. وحرص المفسرون على الكشف عن المراد من النص في ضوء ما أُتيح لهم من معالم وقرائن معينة على فهمه وعمدوا إلى وضع مجموعة من القواعد والمعامل التي تعين على التفسير السليم للنصوص ولتكون بمثابة الميزان الذي يُعرف به التفسير المقبول من غيره وكان السياق من أبرز هذه القواعد والقرائن فقد وقف المفسرون على دوره المتميز فأنزلوه منزلته اللائقة به في تفسيرهم للنصوص.

فعلم السياق القرآني علمٌ عظيمٌ المنزلة رفيعُ القدر، وهو من أهم ما يوصل للفهم الصحيح لكتاب الله تعالى؛ إذ هو الطريقُ الأسلم لجعل كلام الله متناسباً منتظماً، وهذا هو الأنسب لكتاب الله المعجز المحكم. وإنَّ من أعظم ما يبين منزلة هذا العلم أنَّه مرتبط بالقرآن نفسه؛ حيث إنَّه تفسير للقرآن بالقرآن فهو تفسير للآية بما يتضمنه نصها، أو بما سبقها ولحقها من الآيات، فكلُّ نص معنٍ عام نُظِم لأجله، ولا يُمكن إيصال هذا المعنى إلا بتسلسل جمل وعبارات ذلك النص تبعاً للمعنى المراد، وتلاحمها وارتباطها به؛ لأنَّ المعنى الكلِّي لأيِّ نص يتوقَّف على المعاني الجزئية المكوِّنة له، ولذا ينبغي أن تكون العلاقة بين أول النص ووسطه وآخره علاقة منطوية تخضع لمعايير عقلية يمكن بواسطتها أن تُنتزع الدلالة وتُستوحي المناسبة.

إن أحسن ما يُوشَّحُ به صَدْرُ الكلام، وأجمل ما يفصل به عِقْدُ النظام، يَحْمَدُ الله ذي الجلال والإكرام، والإفضال والإنعام، ثم الصلاة على خير الأنام، خير من نطق فأفصح، وأبان فأعجز وكان للخطباء قدوة وللبلغاء إماماً، أمَّا بعدُ:

فإنَّ اللغة العربية لغة الإسلام بها نزل القرآن الكريم ومن أفصح أهلها بُعِثَ الرسول الرحيم فهي تبقى ما بقي الزمان ولا تفسد كغيرها لاحتوائها بالقرآن لذا وجدت طريقها إلى نفوس أهلها منذ فجر الإسلام فسارت في ركابه أينما ارتحل واستقرت معه حيثما حلَّ عشقها المسلمون واحتفلوا بها وشَمَّروا عن ساعد الجد لتعلمها وبذلوا أقصى الجهود في استخراج الحَبِيبَاتِ والدُّرر الكامنة في أغوارها كما ناضلوا عنها فصوبوا رَشَاشَ الألسنة وسهام الأقلام تجاه كل من أراد أن يتحامَلَ عليها، فكانوا يدافعون بها عن كرم أصولهم وشرف أحسابهم كما كانت وسيلة تسجيل مفاخرهم وسلم ترقية مناصبهم.

وهناك خمسة مصادر يحتج بها النُّحَاة وهي: القرآن الكريم، والحديث النبوي الشريف، والشعر، والأمثال، وكلام العرب. ولعلَّ أهم تلك المصادر هو القرآن الكريم فهناك فرق بين مخلوق عاجزٍ مهما أُوتِيَ من بلاغة الكلام وفصاحة المنطق وسمو البيان؛ فإنَّ فيه مع كل ذلك ضعفٌ بشري وعجزها التي تُنمُّ عن إنسان له نهاية في التفكير وغاية في الابتكار ومستوى محدود في القدرة على الإفصاح والبيان؛ ورب خالقٍ حكيم يدبِّر ويهدي إلى الحق في أروع بيان. فالأسلوب القرآني قد انفرد به هذا الكتاب الرباني العظيم، هذا الأسلوب الذي لم يكن مناط تفرُّده بأنَّه جاء على غير ما اعتادت به العرب في كلامها بل إنَّ القرآن الكريم جاء على ما اعتادت العرب في أساليب الكلام المختلفة، إلا أنَّه اختلف عن

PENDAKWAH & MEDIA BAHARU



Siti Syarah binti Mohd Tawil
Pensyarah IKMAS

Era masa kini perkembangan teknologi semakin pesat dan canggih. Keadaan ini memerlukan pendakwah berusaha menggunakan pelbagai pendekatan kreatif supaya dapat menarik minat masyarakat. Media menjadi salah satu platform penyebaran dakwah yang berkesan yang menjadi perhatian semua peringkat umur seperti kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas. Pelbagai kaedah menarik dalam menyampaikan mesej dakwah melalui media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, Tiktok* dan lain-lain. Peranan media dalam Islam mesti menonjolkan prinsip yang selari dengan ajaran yang telah ditetapkan oleh Islam. Sepertimana terkandung dalam al-Quran surah al-Hujurat ayat 6 dengan maksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukan kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Jelas di sini bahawa peranan media yang dibawa harus berdasarkan dan bercorakkan kepada prinsip kebenaran dengan disokong oleh fakta dan bukti yang jelas. Tanpa bukti dan fakta yang jelas, ianya akan merosakkan dan mengakibatkan perpecahan antara umat Islam. Contohnya dalam penyebaran hadis palsu yang masih diguna pakai secara terbuka di media sosial yang boleh menyebabkan implikasi terhadap akidah umat Islam. Hal demikian, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah

mengambil inisiatif untuk membendung dan menangani isu ini dengan menyediakan ruang di laman sesawang myHadith bagi membuat rujukan terhadap kesahihan sesebuah hadis.

Sehubungan dengan itu, media baharu dilihat mampu memberi impak yang positif terhadap perkembangan dan aktiviti dakwah sekiranya ia digunakan dengan cara yang betul. Pendakwah perlu memanfaatkan pelbagai aplikasi digital yang menjadi perantara atau medium interaksi masyarakat. Justeru, bahan atau kandungan dakwah boleh disampaikan dalam bentuk tazkirah ringkas, *vlog*, poster digital, drama pendek dan sketsa.

Penguasaan teknologi baharu untuk penyebaran ilmu agama dalam kalangan pendakwah mampu untuk mengubah dan memudahkan penyampaian mesej dakwah kepada masyarakat. Mesej yang disalurkan melalui media baru perlu mengandungi kebaikan sekaligus berperanan besar sebagai agen untuk merubah masyarakat. Pendakwah perlu berani menangani isu-isu dakwah semasa disamping dapat memperbetulkan persepsi serta pemikiran umat Islam terhadap sesuatu perkara. Oleh itu, para pendakwah perlu bijak menggunakan peluang dan memilih platform yang mampu memberi impak yang positif kepada sasaran.

Rujukan:

Mohamad Nizamuddin A. Majid. 2022. *Dakwah Melalui Penggunaan Media Sosial: Peluang Atau Cabaran*. Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Sekalung TAHNIAH

SEKALUNG TAHNIAH diucapkan kepada **YBr. Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan** atas pelantikan sebagai **Pengarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



SEKALUNG TAHNIAH diucapkan kepada **YBr. Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damir** atas pelantikan sebagai **Timbalan Pengarah Operasi**, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Selamat BERSARA

SELAMAT BERSARA diucapkan kepada **Ustaz Mohd Chathazman bin Abdullah**, Pegawai Hal Ehwal Islam S44. Seluruh warga IKMAS mendoakan semoga sentiasa diberi perlindungan dan kesihatan berpanjangan oleh Allah SWT serta dimurahkan rezeki dan berbahagia bersama keluarga tercinta. Selamat bersara dan terima kasih atas segala sumbangan sepanjang berkhidmat di IKMAS.



Selamat Datang



**Ahmad Suffian bin
Ahmad Soewarno**

Pegawai Hal Ehwal Islam S41



**Dayang Nurul Izzah binti
Wasli**

Pegawai Hal Ehwal Islam S41



Mohd Fardli bin Isa

Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
S29

Jasamu Dikenang



Dahlan bin Daut

Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
S32



Mohd Sahzfiq bin Sahmat

Personal Mystep N29

Tahniah Atas Kenaikan Pangkat



Shahril bin Othman

Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
S32



**Suzimawati binti
Ramai-No**

Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
S32



Asmuni bin Hasbullah

Pembantu Hal Ehwal Islam S22

lensa

7-8 OGOS 2023 - KURSUS
ADOBE PHOTOSHOP &
INDESIGN SIRI 1



9-10 OGOS 2023 -
KURSUS LESTARI
KEPIMPINAN ISLAM
(PTTK)



8-9 OGOS 2023 - JOHAN
PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN
SEMPENA FESTIVAL KESANIAN ISLAM
PERINGKAT KEBANGSAAN



16 OGOS 2023 - PILIHAN
RAYA KAMPUS MAJLIS
PERWAKILAN PELAJAR
IKMAS



7-8 SEPTEMBER 2023 -
BENGKEL PEMBANGUNAN
DOKUMENTASI SIRI 2



12 SEPTEMBER 2023 - TEMU BUAL
SECARA LIVE SEMPERNA MAJLIS
ISTIADAT KONVOKESYEN IKMAS
KALI KE-19



17 SEPTEMBER 2023 -
MALAM KESANIAN ISLAM
2023 SEMPERNA MAJLIS
ISTIADAT KONVOKESYEN
IKMAS KALI KE-19



22 SEPTEMBER 2023 - PROGRAM
FIQH DARAH WANITA





22-24 SEPTEMBER 2023 -
PAMERAN DAN PROMOSI
IKMAS SEMPERA REGATA
TANDANG SARI 2023



29 SEPTEMBER 2023
- KUNJUNG HORMAT
PENGARAH IKMAS
KE PEJABAT MUFTI
SARAWAK



6-7 OKTOBER 2023 - PROGRAM KHIDMAT
MASYARAKAT: BELIA BERSAMA
KOMUNITI DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN
DAN AL-QIRAAT



13 OKTOBER 2023 - SEMINAR MADANI BAGI MEMPROMOSIKAN
FUNGSI BIDANG TERAS JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
(JAWHAR) DAN YAYASAN WAKAF MALAYSIA (YWM)



18 OKTOBER 2023 -
BENKEL SPESIFIKASI
UJIAN (JSU) DAN
PENGGUBALAN KERTAS
SOALAN



21 OKTOBER 2023 -
WACANA PERUNDING
AL-QURAN



24 OKTOBER 2023 -
SEMINAR AKIDAH
AHLI SUNNAH
WAL JAMA'AH



23-26 OKTOBER 2023 - PROGRAM
LATIHAN JURULATIH SISTEM
LATIHAN DUAL NASIONAL (NDTS
COACH TRAINING PROGRAM)

Juh Masuk IKMAS

SYARAT KELAYAKAN MASUK

PROGRAM DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas serta sihat fizikal.
2. Bukan warganegara yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Lima (5) KEPUJIAN termasuk :-
 - a. Bahasa Melayu dan mana-mana satu matapelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran & Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
 - b. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
 - c. Mempunyai minat belajar, sedia dibimbing mematuhi peraturan dan arahan.
 - d. Belum berkahwin
 - e. LULUS ujian Temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK

PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas.
2. Bukan warganegara (antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang SETARA dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan satu (1) kepujian dalam mana-mana pelajaran.
4. Lulus temuduga.
5. Belum berkahwin.

SYARAT KELAYAKAN MASUK

PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

1. Warganegara Malaysia
2. Beragama Islam
3. Berumur tidak melebihi 21 tahun pada tarikh pendaftaran
4. Tidak berkahwin
5. Lulus - SPM; (Calon yang telah memiliki keputusan SPM sahaja) - *Percubaan SPM (Calon SPM 2022 sahaja); atau - *Keputusan Peperiksaan Tingkatan 5 (calon SPM 2022) (mendapat pengesahan pihak sekolah) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
 - a. Bahasa Melayu;
 - b. Bahasa Arab/ Al-Adab wa al-Balaghah/ Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah/ Turath Bahasa Arab;
 - c. Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Usu al-Din/ Turath al-Quran dan al-Sunnah/ Al-Syariah/ Manahij al-'Ulum al-Islamiah/ Turath Dirasat Islamiah/ Maharat Al-Quran; dan
 - d. LULUS Bahasa Inggeris
 - e. LULUS Ujian Bertulis (Bahasa Arab dan Tajwid)
 - f. LULUS Temuduga
 - g. Mempunyai tahap kesihatan yang baik

اینستیتیوت کماہیران اسلام ملیسیا سراوق

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
PETI SURAT 2867, JALAN MATANG
93050 KUCHING, SARAWAK

TEL: 082 - 843 478 / 016-585 2349

FAKS: 082 - 843 440

EMAIL: ikmas@islam.gov.my